

Headline	Generasi muda perlu didedah mengenai amalan selamat dan cekap dalam penggunaan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	17 Aug 2016	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	17,812
Page No	4	Readership	53,436
Language	Malay	ArticleSize	217 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 431
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,293



Generasi muda perlu didedah mengenai amalan selamat dan cekap dalam penggunaan elektrik

TAWAU: Generasi muda perlu mendapat pendedahan awal mengenai amalan selamat dan cekap dalam penggunaan elektrik kerana mereka adalah pengguna pada masa hadapan.

Timbalan Pengurus Besar (Pembahagian) Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB), Ridwan Saham berkata, generasi muda bakal pelanggan masa hadapan maka didikan awal mengenai perkara itu penting.

Menurutnya, didikan awal penting ke arah memupuk budaya penggunaan tenaga elektrik yang lebih selamat dan berhemah pada masa hadapan.

"Sejak tahun 2010, SESB telah melaksanakan program SESB Cor-

porate Social Responsibility Nurturing The Young Minds bagi memberi kesedaran dan pendedahan awal kepada generasi muda," katanya.

Beliau berkata demikian ketika program SESB Corporate Social Responsibility Nurturing The Young Minds di SK Bombalai di sini kelmari.

Pada program itu seramai 50 warga kerja SESB telah turun padang memberi pendedahan awal tentang keselamatan dan bahaya elektrik yang telah dihadiri 500 peserta terdiri daripada pelajar dan guru serta persatuan ibu bapa dan guru (PIBG).

"Program ini adalah kali kelima

diadakan pada tahun ini yang menyentuh isu keselamatan elektrik dan mengenai kecekapan tenaga serta perkhidmatan yang disediakan SESB," katanya.

Mengulas lanjut, SESB menghadapi cabaran berbeza dalam memberi kesedaran kepada golongan muda dengan mengambil pendekatan yang berbeza berbanding golongan dewasa.

"Sebenarnya terdapat juga beberapa kes yang ditangani SESB membabitkan golongan muda tetapi hanya melibatkan kes sambungan haram dan bukan pengguna yang berdaftar," katanya lagi. - **OLEH NAZRINI BADARUN - nazrini@newsabahtimes.com.my**

DEMONSTRASI ... Anggota SESB menunjukkan demonstrasi menjalankan tugas kepada para pelajar di sekolah berkenaan ketika program kesedaran.